

Kerajaan kaji bentuk hukuman banduan laku kesalahan ringan

KUALA LUMPUR 13 Jan. — Kerajaan sedang mengkaji bentuk hukuman yang sewajarnya ke atas banduan-banduan yang melakukan kesalahan ringan bagi menggantikan hukuman penjara, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, kesesakan dalam penjara kini telah menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk membiayai banduan-banduan.

Oleh itu, katanya, kerajaan ingin mendengar pandangan orang ramai mengenai perkara ini terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan rasmi mengenainya dibuat.

"Ada cadangan supaya dikurangkan tempoh hukuman dalam penjara tetapi kita perlu mengenalpasti hukuman ganti

yang benar - benar berkesan... oleh itu kita sedang mengkaji apakah bentuk hukuman yang paling wajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan berpendapat adalah tidak adil penjenayah yang telah melakukan kesalahan terpaksa dibiayai kehidupan mereka menerusi wang ringgit rakyat semasa dalam tahanan.

"Ini tidak menampakkan bahawa orang yang telah melakukan jenayah dihukum, sebaliknya ia kelihatan seperti masyarakat yang dihukum untuk kerana wang yang digunakan untuk membiayai sara hidup orang yang melakukan je-

nayah adalah hasil wang rakyat juga," kata Perdana Menteri.

Beliau menegaskan, ini menjadikan keadaan seolah-olah telah terbalik kerana jika diamati sebenarnya rakyat yang dihukum bukan penjenayah.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan sedang menunggu pendapat orang ramai sama ada mereka bersetuju dengan hukuman baru bagi menggantikan penjara.

"Setelah perbincangan dijalankan dan mereka didapati bersalah, mereka akan dimasukkan semula ke penjara dan keadaan ini menyebabkan kesesakan di penjara tidak dapat diatasi," ujarnya.

CNS1632

R GB 16-01 00171 BA107

bah

Mahathir - Haji 3 Alor Setar

+Kalau milik swasta, kita bagi monopoli dan dia memberi bekalan yang tidak baik atau mengenakan bayaran yang terlalu tinggi, maka ini akan merugikan kita.

+Tetapi kalau ada dua syarikat mungkin dia bersaing sesama sendiri dan dengan itu mungkin bayaran menjadi lebih rendah,+ katanya.

Bagaimanapun, kerajaan belum menetapkan bilangan syarikat yang akan dibenarkan menjalankan perniagaan itu kerana perkara itu masih merupakan +satu idea+ dan cadangan sahaja.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir mengadakan perjumpaan tertutup selama kira-kira sejam dengan anggota jawatankuasa Koperasi Pekan Rabu setibanya dari Kuala Lumpur bersama-sama isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali untuk lawatan dua hari ke negeri ini.

Beliau berkata, dalam perjumpaan itu, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan bersedia mengeluarkan perbelanjaan untuk memperbaiki keadaan di kompleks perniagaan Pekan Rabu di sini sekiranya para peniaga di situ bersedia memberi pengakuan secara bertulis akan mengikut cara-cara yang akan ditetapkan oleh kerajaan bagi memperbaiki Pekan Rabu. -- Lagi.

♥16/01/12-11MST

CNS1646

R GB 16-01 00167 BA109

bah

Mahathir - Haji 4 (Akhir) Alor Setar

Katanya, Yang Dipertua Koperasi Pekan Rabu telah memberi pengakuan akan mengadakan mesyuarat di kalangan para peniaga di situ bagi mendapatkan pengakuan bertulis itu.

Beliau berkata, kerajaan sanggup memberi latihan dan mengeluarkan belanja berjuta-juta ringgit bagi memperindahkan Pekan Rabu dan membolehkan ia dibuka hingga malam tetapi semuanya tidak berguna sekiranya Pekan Rabu menjadi buruk semula.

Katanya, keadaan di Pekan Rabu sekarang begitu sesak dengan barang-barang sehingga keadaan di dalamnya +gelap+ dan sampah-sarap tidak dibuang menyebabkan ia tidak menarik minat pelanggan.

Beliau mahu keadaan itu diperbaiki, sekalipun tidak seindah kompleks perniagaan seperti di Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya lebih baik daripada sekarang.

Katanya, Pekan Rabu, yang terletak di kawasan yang strategik daripada segi perniagaan, tidak digunakan dengan sepenuhnya oleh para peniaga menyebabkan ia tidak menarik pelanggan dan perniagaan mereka tidak begitu menguntungkan.

Beliau percaya sekiranya kerajaan menjual tempat itu kepada bukan Bumiputera sudah tentu ramai yang akan membelinya. -- Bernama.